

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 FEB 2015



SEBAHAGIAN daripada orang ramai yang menziarahi pusara Allahyarham Nik Abdul Aziz Nik Mat di Tanah Perkuburan Islam Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan, semalam. - MINGGUAN/ROSNi MASRI

Hentikan perkara khurafat

lam-15/2/2015

Oleh ZAAIN ZIN

pengarang@utusan.com.my

KOTA BHARU 14 Feb. - Dek kerana terlalu taksud ada di antara individu cuba untuk mengambil dan membawa pulang tanah kubur Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kononnya untuk mendapat berkat.

Tinjauan *Mingguan Malaysia* di Tanah Perkuburan Islam Pulau Melaka mendapati orang ramai tidak putus-putus menziarahi pusara Nik Abdul Aziz yang dikawal rapi dua petugas Unit Amal Pas pada setiap masa.

Pusara Allahyarham dikatakan dikawal rapi selepas ada individu tertentu dilaporkan cuba membawa pulang tanah kubur kerana awal pagi ini.

Justeru, anaknya, Nik Mohamad Abdul yang juga Ahli Parli-

men Pasir Mas meminta kepada umat Islam dan penyokong parti tersebut supaya menghentikan perkara-perkara khurafat yang membabitkan arwah ayahnya itu.

Malah beliau juga tidak mahu mengaitkan arwah bapanya dengan beberapa peristiwa aneh yang berlaku ketika majlis pengebumian bekas Menteri Besar itu semalam.

"Jangan, mengambil tanah kubur kerja khurafat. Antara tanah suci yang disebutkan Allah ialah Tanah Haram (Mekah dan Madinah), tanah lain adalah biasa.

"Kalimah awan itu kalau benar berlaku, itu

kuasa Allah SWT dan Dia nak tunjuk apa yang nak ditunjuk. Semoga orang yang lihat bertambah keimanannya. Peristiwa banjir pun kuasa Allah SWT, alam tak akan menangis, banjir tak akan berlaku kalau bukan dengan kuasa-Nya.



"Untuk saya bercakap tentang 'keramat' itu tak payahlah. Orang ramai pun tidak perlu kaitkan apa-apa," katanya ketika ditemukan *Mingguan Malaysia* di Masjid Tok Guru, Pulau Melaka, di sini hari ini.

Semalam puluhan ribu rakyat dan pemimpin negara ini mengiringi jenazah Nik Abdul Aziz untuk dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Pulau Melaka di sini.